



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 06 Tahun 2019

**TAWARAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT
STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PELAKSANA DI UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA TAHUN 2019**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap skim perkhidmatan menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- iii. Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- iv. Bebas dari hukuman tata tertib/jenayah;
- v. Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- vi. Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan
- vii. Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

3. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam Lampiran 1.

PELAKSANAAN


4. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:
 - i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
 - ii. Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
 - iii. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
 - iv. Hanya pemohon yang telah disenarai pilih akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaraian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
 - v. Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
 - vi. Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Januari 2019.
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada 17 Januari 2019.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 17 Januari 2019.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Rektor Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)

No Siri : 100-BPD(Bil. 06 / 2018)

Kumpulan Pelaksana I

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Mohon
1.	Kerani Kanan	N22	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka	1	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

1. i. Jawatan : Kerani Kanan
 ii. Gred Jawatan : N22
 iii. Kekosongan : 1
 iv. Syarat Kelayakan :

Kerani Gred N19 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Kerani Kanan Gred N22 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
 b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji N22

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM2,252.00	RM4,693.00	RM115.00